

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9

Subsidi bersasar dijangka mula 2024

Subsidi bersasar dijangka mula 2024

PADU perlu maklumat lengkap isi rumah sebelum mula program

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmi A Rosly
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Subsidi Bersasar dijangka hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya bermula pada 2024, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Katanya, ia selepas Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dijangka melalui tempoh percubaan mulai November ini, sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024 untuk kegunaan pengesahan maklumat peribadi.

"Selepas PADU diuji dan disahkan, dengan kita mencapai sa-

saran maklumat isi rumah sudah berada sepenuhnya dalam sistem, maka itu akan membolehkan kerajaan membuat keputusan bila hendak mulakan subsidi bersasar. "Kalau kita lihat garis masa itu, PADU sudah diuji dan dibuka kepada orang ramai dalam Januari 2024. Pandangan saya, Program Subsidi Bersasar akan mula dilaksanakan pada 2024," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di lobi Parlimen selepas selesai pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Dewan Rakyat, di sini semalam.

Menyentuh kaedah dan mekanisme pelaksanaannya, Rafizi berkata, sama ada ia menerusi pindaan tunai, berdasarkan pemberi-

an kad khas atau agihan di pam stesen minyak, semuanya akan diputuskan dari semasa ke semasa.

"Keutamaan kita sekarang maklumat sosioekonomi isi rumah kena lengkap dulu dalam PADU.

"Itu lebih penting berbanding kita mahu guna kad pengenalan, pindahan (kredit) terus ke akaun atau mahu pakai pam. Inilah fokus kita sekarang," katanya.

Pada 15 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju menubuhkan PADU untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah bagi memperkemas pelaksanaan subsidi bersasar.

Kelmarin, Rafizi dilaporkan berkata setakat ini, proses pembangunan PADU yang menggabungkan maklumat sosioekonomi

setiap isi rumah berjalan lancar mengikut garis masa dirancang.

Fokus infrastruktur rakyat
Mengenai tambahan peruntukan sebanyak RM15 bilion, Rafizi berkata, ia membolehkan kerajaan berbelanja lebih bagi membaik-pulih dan meningkatkan kemudahan infrastruktur rakyat.

Katanya, aspek berkenaan sebelumnya tidak begitu diberi penekanan ketika peringkat awal pembentangan RMK12 sebelum ini.

"Bila kita semak balik semasa RMK12 dibangunkan pada 2020-2021, memang had itu diletakkan RM400 bilion. Jadi, memang kita mengambil kira, contohnya banyak perkara yang mengesani rakyat itu tak termasuk dalam RM400 bilion.

"Contohnya, tumpuan Perdana Menteri untuk memastikan tiada sekolah daif, jalan dibaiki dengan baik dan klinik daif. Ini semua bukan penekanan utama dulu, tetapi sekarang menjadi satu sasaran

penting kerajaan.

"Sudah tentu ia memerlukan peruntukan tambahan. Sebab itu, kita kena teruskan perancangan baharu, yang sedia ada, tetapi soal kemudahan rakyat asas seperti itu juga perlu dibiayai," katanya.

Rafizi berkata, tambahan RM15 bilion yang menjadikan RM415 bilion keseluruhannya sudah pun dipersetujui, mengambil kira jangkaan sasaran defisit kekal 3.5 peratus menjelang 2025.

"Bermakna, kita yakin boleh belanja lebih dengan peruntukan lebih tanpa perlu berhutang lebih. Itu terhasil daripada sumbangan pendapatan lebih baik, hasil kerajaan dalam tempoh 2024 dan 2025. Ia juga hasil pembiayaan lebih teratur diperingkat kerajaan.

"Dengan tatakelola lebih baik, kita yakin tambahan RM15 bilion itu satu penjimatan dari pelbagai perbelanjaan sedia ada yang boleh dialihkan kepada perbelanjaan pembangunan untuk tempoh dua tahun akan datang," katanya.



Rafizi Ramli